

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. TUAN WONG CHEN  
KAWASAN : KELANA JAYA  
TARIKH : 27.10.2014 (ISNIN)  
NO. SOALAN : 28

YB. TUAN WONG CHEN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan bilangan penasihat layak (*cleared advisors*) yang telah dilantik sehingga kini untuk membantu dan memudahkan perundingan Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) dan adakah terdapat GLCs atau GLICs yang telah menghantar penasihat untuk membantu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jemaah Menteri pada 2 Julai 2014 telah bersetuju supaya kerajaan melantik wakil/penasihat (*Cleared Advisors*) Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan industri yang berkepentingan. Pelantikan *Cleared Advisors* TPPA adalah bagi membolehkan Kerajaan mewujudkan *engagement* dalam bentuk formal dan berstruktur yang lebih berkesan dengan pihak-pihak berkenaan. Pelantikan ini merupakan sesuatu yang *unprecedented*. Dalam hal ini, *Cleared Advisors* akan memberi pandangan dan maklum balas secara konsensus kepada kerajaan berkaitan TPPA dan isu-isu di bawah rundingan TPPA.

---

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 30 September 2014, seramai 25 orang individu telah dicalonkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains, Teknologi, & Inovasi, Jabatan Peguam Negara dan MITI untuk dilantik sebagai *Cleared Advisors*. Kementerian ini juga telah memohon pencalonan daripada Majlis Tindakan Ekonomi Melayu, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Dewan Perniagaan Cina, dan Dewan Perniagaan India sebagai wakil bagi kumpulan NGO dan Industri Kecil dan Sederhana.

Tuan Yang Dipertua,

Sipah? Dimanalah wakil Rakyat?

Daripada senarai yang dicalonkan, seramai 19 orang individu yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang yang dirundingkan telah dikenal pasti sebagai sesuai dipertimbangkan untuk dilantik sebagai *Cleared Advisors*. Mereka mewakili sektor ekonomi, perbankan dan kewangan, industri dan korporat, perubatan, perunding perniagaan, badan berkanun kerajaan, sains dan teknologi, perakaunan, perundangan, badan NGO dan hubungan antarabangsa. Bilangan *cleared advisors* juga akan ditambah dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan kepakaran. Kerajaan menjangka akan mengadakan mesyuarat pertama menjelang bulan November hadapan dan akan mengumumkan senarai tersebut apabila ia dimuktamadkan nanti. Mengenai penglibatan GLCs, sememangnya konsultasi bersama mereka adalah secara berterusan. Wakil-wakil GLCs seperti KHAZANAH Nasional juga terlibat sebagai wakil tetap dalam pasukan rundingan.